

04/03/1998

Y2K: Mekanisme awasi setiap tindakan

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan akan memperkenalkan satu mekanisme bagi mengawasi setiap tindakan syarikat dalam menangani Masalah Tahun 2000 (Y2K) atau lebih dikenali sebagai 'millennium bug'.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie, berkata salah satu mekanisme yang mungkin dilaksanakan ialah syarikat perlu mendapatkan satu sijil tertentu bagi membuktikan mereka sudah melaksanakan tanggungjawab itu.

"Mungkin mekanisme yang difikirkan itu dapat memastikan syarikat tidak memandang isu itu sebagai remeh dan melaksanakan tanggungjawab menyediakan sistem perkomputeran yang mampu berhadapan dengan Y2K," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Majlis Rangkaian Perkhidmatan Digital Bersepadu Asia (AIC) ke-20, di sini hari ini.

Persidangan lima hari itu disertai 140 peserta, termasuk 69 dari luar negara. Mereka membincangkan status semasa dan perancangan masa depan teknologi Rangkaian Perkhidmatan Digital Bersepadu (ISDN) di rantau ini dan masa depan pertubuhan AIC.

Sebanyak 65 kertas kerja akan dibentangkan pada persidangan kali ketiga yang dianjurkan di negara ini. AIC ialah pertubuhan bukan kerajaan ditubuhkan pada 1988. Setakat ini, AIC mempunyai lapan negara anggota iaitu Jepun, Korea, Filipina, Singapura, Thailand, Indonesia, China dan Malaysia.

Dalam pada itu, Leo Moggie turut mengingatkan semua ketua pegawai eksekutif (CEO) syarikat supaya melaksanakan tanggungjawab bagi menghadapi masalah Y2K dalam pertubuhan mereka.

Katanya, CEO tidak seharusnya menyerahkan tugas itu sepenuhnya kepada pengaturcara komputer kerana sebagai pembuat keputusan organisasi, mereka seharusnya lebih peka.

Beliau berkata, jika CEO syarikat tidak komited untuk memastikan rangkaian perkomputeran diperiksa dengan betul menjelang tahun 2000, pasti akan timbul masalah.

"Masalah ini tidak seharusnya diserahkan sepenuhnya kepada pengaturcara komputer. Ia harus bermula di peringkat CEO. Mereka perlu melihat kepada isu itu.

"Dalam mengeluarkan persijilan, CEO perlu memastikan sistem komputer disertakan ciri '2000 Compliance' sebelum menandatangani sijil berkenaan," katanya.

Masalah Y2K merujuk kepada ketidakupayaan komputer membaca tahun '00' sebagai tahun 2000 kerana angka itu juga melambangkan tahun 1900 dalam sistem dua angka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mempengerusikan mesyuarat keenam Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) Januari lalu, melahirkan kebimbangan berhubung kurangnya tindakan segera di kalangan syarikat kecil dan sederhana di negara ini menangani masalah itu.

Mengenai cadangan penubuhan biro Y2K di peringkat kementerian dan kemungkinan pemansuhan Pasukan Petugas Khas Y2K NITC, Leo Moggie berkata, perkara itu perlu dirujuk dengan NITC.

(END)